

TARIKH	29 / 04 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	49	RUANGAN	

100 maut angkara MERS

Jeddah: Angka kematian akibat wabak Sindrom Per-nafasan Timur Tengah (MERS) di Arab Saudi mencapai 100 orang semalam ketika pihak berkuasa masih bergelut menangani jangkitan di negara paling teruk dilanda wabak itu.

Kebimbangan melanda orang ramai berikutan peningkatan mendadak angka kematian akibat jangkitan sistem pernafasan itu dengan 39 orang mati pada bulan ini saja.

Ia mewakili lebih satu per-tiga daripada 102 kes kematian yang dilaporkan se-

jak wabak itu mula melanda pada April 2012.

Kematian bayi berusia sembilan bulan adalah antara lapan kes terbaru dilaporkan kementerian kesihatan kelmarin.

Menurut kementerian berkenaan, jumlah keselu-ruhan kes yang dilaporkan sejak wabak itu melanda Arab Saudi mencecah 339 kes.

Antaranya termasuk empat kakitangan perubatan di hospital di Tabuk, dua doktor warga Syria dan Mesir serta dua jururawat warga Filipina. - AFP